

☒ Utusan Malaysia
☐ Mingguan Malaysia
Tarikh: 21/5/2012
Hari: ISNIN M/S: 20
Ruangan: MEGA (KAMPUS)

Siswi UUM anjur aktiviti di hospital

SERAMAI 40 Siswi Sub Unit Kumpulan IV (C) St John Ambulans Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM) mengadakan aktiviti Sehari di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis baru-baru ini.

Sepanjang sehari di sana mereka terbabit dan berpeluang melihat bagaimana proses penjagaan serta kaedah melayan pesakit di Jabatan Kecemasan dan Wad Kanak-kanak hospital itu.

Menurut Jurulatihnya, Aznan Abdullah, kerjasama antara pihak hospital dan Pusat Kokurikulum UUM itu menampakkan kejayaan kerana bukan sahaja memberi peluang kepada siswi UUM untuk mendalami ilmu dalam bidang tersebut malah mereka dapat melaksanakan aktiviti luar kelas.

"Saya melihat melalui jalinan

kerjasama ini memberi kebaikan kepada semua sama ada Hospital, UUM dan manfaat kepada pelajar itu sendiri," katanya.

Beliau menambah proses itu seiring dengan hasrat Pusat Kokurikulum UUM yang melakukan perubahan dengan cuba mendapatkan pengiktirafan kepada pasukan itu di peringkat kebangsaan agar semua aktiviti dapat dijalankan terus melalui arahan ibu pejabat.

Aznan menambah, pihaknya juga akan melancarkan buat julung kalinya hari Bendera St John Ambulans Malaysia UUM pada bulan depan di UUM.

Antara pembelajaran lain yang mereka ikuti ialah proses cara penjagaan bayi sakit dengan lebih baik.



SISWI Sub Unit Kumpulan IV (C) St John Ambulans Malaysia UUM diberi taklimat cara penjagaan bayi oleh pegawai Hospital Tuanku Fauziah di Kangar, Perlis baru-baru ini.